



**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
BIL. 3/2010**

**PENETAPAN TEMPOH MAKSIMUM PEMBERIAN REMISYEN BAGI
RANCANGAN TANAM SEMULA MENGIKUT PERUNTUKAN DALAM
KAEDAH 17 KAEDAH-KAEDAH TANAH NEGERI SEMBILAN 2002**

1. TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini dikeluarkan adalah sebagai makluman kepada semua Pentadbir Tanah di seluruh Negeri Sembilan mengenai penetapan tempoh maksimum pemberian remisyen bagi Rancangan Tanam Semula mengikut peruntukan dalam Kaedah 17 Kaedah-kaedah Tanah Negeri Sembilan 2002 (N.S.P.U.25).

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Menurut Kaedah 17(1) N.S.P.U. 25, pemilik tanah yang menyertai Rancangan Tanam Semula di bawah seliaan Pegawai Pertanian Negeri, boleh memohon kepada Pentadbir Tanah untuk mendapatkan remisyen bagi cukai tanah tersebut. Permohonan remisyen ini hendaklah dibuat sebelum 1 Mac setiap tahun.


- 2.2 Melalui Warta Kerajaan Negeri Sembilan No. 314 (tambahan No. 1) bertarikh 17 Ogos 2006, penurunan kuasa telah diberikan kepada Pentadbir Tanah termasuk Penolong Pentadbir Tanah untuk melulus atau menolak permohonan meremitkan atau memberikan rebat cukai tanah yang tidak melebihi 5 hektar yang ditanam semula yang diluluskan oleh Jabatan Pertanian Negeri, Felcra, Risda dan Felda sahaja tidak melebihi 50%.
- 2.3 Tujuan pemberian remisyen ini adalah bagi mengurangkan bebanan kepada pemilik tanah yang menyertai Rancangan Tanam Semula kerana kebun mereka pada waktu ini masih belum mendatangkan hasil dan tidak memberikan apa-apa pendapatan kepada pemilik. Walaubagaimanapun, sama ada N.S.P.U. 25 atau pun W.K.N.S. No. 314, tidak ada menyatakan tempoh masa yang dibenarkan untuk pemberian remisyen tersebut. Amalan yang dilaksanakan di seluruh pentadbiran tanah Negeri Sembilan pada masa kini adalah tidak seragam yang mana tafsiran tempoh selagi tanah belum mendatangkan hasil tidak jelas.
- 2.4 Oleh yang demikian, dirasakan adalah perlu untuk menetapkan satu tempoh maksimum yang dibenarkan bagi meluluskan permohonan remisyen tersebut sebagai panduan semua Pentadbir Tanah.

3. **PELAKSANAAN**

- 3.1 Tempoh maksimum remisyen yang dibenarkan bagi tanam semula sawit adalah tiga (3) tahun sebanyak 50%.
- 3.2 Tempoh maksimum remisyen yang dibenarkan bagi tanam semula getah adalah enam (6) tahun sebanyak 50%.
- 3.3 Setiap permohonan hendaklah terdiri daripada peserta yang menerima bantuan untuk Rancangan Tanam Semula dan mendapat pengesahan daripada agensi-agensi yang terlibat sama ada Jabatan Pertanian, Felcra, Risda atau Felda.

4. **TARIKH KUATKUASA**

4.1 Pekeliling ini berkuatkuasa serta-merta.



(DATO' ZAFFARUDIN BIN SHARIF)

Pengarah Tanah dan Galian
Negeri Sembilan Darul Khusus.

Tarikh : 13 Mei 2010

Rujukan : (13) dlm. PTG.NS 10/14 Klt. 2

Senarai Edaran

Pentadbir Tanah Daerah

Seremban
Port Dickson
Tampin
Kuala Pilah
Rembau
Jelebu
Jempol

Timbalan Pentadbir Tanah
Daerah Kecil Gemas

Edaran Dalaman

Timbalan Pengarah (Pd)
Penolong Pengarah (HM/S)
Penolong Pengarah (P/HM)
Penolong Pengarah (H)
Penolong Pengarah (P)
Penolong Pengarah (PT)
Penolong Pengarah (TM)
Penolong Pengarah (U)

s.k. Setiausaha Sulit Kepada Y.A.B Menteri Besar Negeri Sembilan

Y.B Setiausaha Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan

Y.B Penasihat Undang-Undang Negeri Sembilan

Y.B Pegawai Kewangan Negeri Sembilan